

PANDUAN,  
KAEDAH & PELAKSANAAN

# **SOLAT KETIKA BENCANA**

# **PANDUAN, KADEAH DAN PELAKSANAAN SOLAT KETIKA BENCANA**

Cetakan Pertama 2022

**© Hak Cipta Terpelihara.**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**PANDUAN, KADEAH & PELAKSANAAN SOLAT KETIKA BENCANA** : Telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang. Bil.6/2020 pada 7-8 Disember 2020.

ISBN 978-967-18457-8-3

1. Salat--Handbooks, manuals, etc.
2. Prayer--Islam--Handbooks, manuals, etc.
3. Islam--Prayers and devotions--Handbooks, manuals, etc.
4. Government publications--Malaysia.

297.3822

Diterbitkan oleh:

**JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG**  
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.

Konsep, Reka Bentuk:

**GALERI ILMU SDN. BHD.**  
No. 44, Astana Karya,  
Jalan Pekaka 8/3,  
Seksyen 8, Kota Damansara,  
47810 Petaling Jaya, Selangor.

Dicetak oleh:

**MUDAH URUS  
ENTERPRISE SDN. BHD.**  
No. 143, Jalan KIP 8,  
Taman Perindustrian KIP,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur.

PANDUAN,  
KAE DAH & PELAKSANAAN

# SOLAT KETIKA BENCANA

Telah diperakuan oleh  
**MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG**  
Bil. 6/2020 pada 7-8 Disember 2020



# KANDUNGAN

<b>TUJUAN</b>	1
<b>LATAR BELAKANG</b>	1
<b>OBJEKTIF</b>	2
<b>TAKRIF</b>	3
<b>SITUASI PERSIAPAN SEBELUM SOLAT</b>	4
• Tubuh, pakaian dan tempat solat terkena najis.	5
• Tiada pakaian ketika solat.	5
• Tiada tempat solat.	6
• Wuduk sekadar sempurna rukun.	6
• Wuduk anggota patah berbalut/ampu.	6
• Wuduk anggota luka.	7
• Wuduk menggunakan botol semburan.	8
• Wuduk dengan bantuan orang lain.	9
• Tayamum.	10
• Tayamum dengan bantuan orang lain.	12
• Tidak mengetahui arah kiblat.	13
• Solat sekadar sempurna rukun.	14
• Solat mengikut kadar kemampuan.	14
• Solat secara berdiri.	16
• Solat secara duduk.	16
• Solat secara duduk atas kerusi.	17
• Solat mengiring ke kanan atau ke kiri.	19
• Solat baring (telentang).	20
• Solat meniarap.	21

• Solat menggunakan isyarat mata.	22
• Solat menggunakan isyarat hati.	23
• Solat Jamak.	24
• Solat ketika risiko/ketakutan.	25
• Solat hormat waktu.	26
• Solat dalam kenderaan	27
<b>PELAKSANAAN SOLAT MENGIKUT KESULITAN BENCANA</b>	<b>30</b>
• Wuduk Ketika Banjir dan Tsunami.	30
• Solat Ketika Banjir dan Tsunami.	31
• Wuduk Ketika Ribut Taufan.	37
• Solat Ketika Ribut Taufan.	37
• Wuduk Ketika Tanah dan Bangunan Runtuh serta Gempa Bumi.	38
• Solat Atas Timbunan Runtuhan Bangunan.	40
• Tersepit dalam Runtuhan Bangunan.	45
• Solat di Kawasan yang Bergegar Gempa.	46
• Tempoh Masa Kerja Penyelamat yang Lama dan Berisiko.	48
• Wuduk/Tayamum Ketika Kemarau Panjang.	50
• Solat Ketika Kemarau Panjang.	51
• Wuduk/Tayamum Ketika Kemalangan (Gas dan Bahan Kimia Beracun).	53
• Solat Ketika Kemalangan (Gas dan Bahan Kimia Beracun).	54
• Wuduk dalam Bencana Jerebu.	56
• Solat dalam Bencana Jerebu.	56
• Wuduk dalam Bencana Kebakaran.	56

• Solat dalam Bencana Kebakaran.	57
• Wuduk Ketika Bencana Pandemik COVID-19.	60
• Solat Ketika Bencana Pandemik COVID-19. Petugas Barisan Hadapan ( <i>Frontliners</i> ).	65
• Solat Ketika Bencana Pandemik COVID-19. Pesakit COVID-19.	66
<b>PENUTUP</b>	69

# KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## PANDUAN, KAEDEAH DAN PELAKSANAAN SOLAT KETIKA BENCANA

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas perkenan dan izin-Nya buku **Panduan, Kaedah dan Pelaksanaan Solat Ketika Bencana** ini dapat diterbitkan untuk bacaan masyarakat.

Umum mengetahui bahawa solat fardu ialah suatu tuntutan kerana ia merupakan rukun Islam yang kedua. Solat fardu hendaklah ditunaikan apabila masuk waktunya walaupun seseorang itu dalam keadaan musafir di atas kenderaan, sakit atau ditimpa bencana. Justeru, kewajipan menunaikan solat tidak akan gugur tanpa alasan yang dibenarkan oleh syarak. Malah dalam situasi peperangan pun solat fardu perlulah ditunaikan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.


Bencana dapat dirujuk sebagai suatu kerosakan yang boleh memberikan kesan kepada aktiviti masyarakat sama ada sosial atau ekonomi. Apabila bencana menimpa ia secara langsung telah mendatangkan pelbagai kesulitan seperti ketiadaan air yang bersih, persekitaran yang tidak bersih, luka parah dan sebagainya. Situasi ini juga memberikan kesan kepada umat Islam dalam menunaikan ibadah, khususnya solat yang melibatkan beberapa pergerakan.

Buku **Panduan, Kaedah dan Pelaksanaan Solat Ketika Bencana** ini merupakan rumusan daripada hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh para penyelidik yang telah dilantik oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang yang diketuai oleh Y.Bhg Profesor Madya Dr. Mohamad Khadafi bin Hj.Rofie, Dr. Syed Sultan Bee binti Packeer Mohamed, Dr. Muhamad Amar bin Mahmad dan Dr. Nor Hanani binti Ismail dari Universiti Utara Malaysia. Buku ini menyenaraikan beberapa kaedah sebagai panduan kepada umat Islam untuk menunaikan solat mengikut situasi bencana yang berlaku.

Setinggi tahniah dan terima kasih kepada para penyelidik dan urus setia yang telah menjayakan penerbitan buku ini. Semoga buku panduan kaedah solat fardu ketika bencana ini menjadi jalan kemudahan kepada kehidupan umat Islam dalam melaksanakan tuntutan ibadah yang difardukan oleh Allah SWT.

Sekian.

**DATO' SERI DR WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR**  
**Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang**



## PANDUAN, KAEDAH DAN PELAKSANAAN SOLAT KETIKA BENCANA

### TUJUAN

Panduan ini disediakan bagi tujuan memberi kefahaman dan membantu masyarakat dalam pelaksanaan solat fardu ketika berlakunya bencana alam.

### LATAR BELAKANG

1. Bencana merupakan suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan ibadah, khususnya pelaksanaan solat bagi orang Islam.
2. Umat Islam yang ditimpa bencana secara langsung telah menghadapi pelbagai kesulitan seperti ketiadaan air yang bersih, kecederaan yang parah, berada dalam keadaan najis dan sebagainya.

3. Justeru, suatu kajian perlu dilaksanakan untuk mengeluarkan satu kaedah bagi membantu umat Islam dalam melaksanakan ibadah, khususnya ibadah solat.
4. Sehubungan itu, satu bentuk draf Panduan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2020 yang bersidang pada 7 hingga 8 Disember 2020<sup>M</sup> dan bersetuju untuk memperakunkan Panduan Kaedah Dan Pelaksanaan Solat Ketika Bencana.

### OBJEKTIF

1. Panduan ini diwujudkan bagi mencapai objektif seperti yang berikut:
  - i → Menggariskan kriteria-kriteria yang diharuskan dan dilarang dalam melaksanakan solat fardu ketika bencana; dan
  - ii → Berperanan sebagai rujukan dan panduan pelaksanaan solat ketika bencana.

## TAKRIF

1. Bagi maksud panduan ini:

- i → “**Bencana**” bermaksud bencana yang berlaku di Malaysia sahaja seperti tanah runtuh, banjir, kebakaran dan terperangkap dalam kesesakan akibat kemalangan besar dan wabak.
- ii → “**Kaedah**” bermaksud tatacara atau kaifiat bermula daripada syarat wajib dan syarat sah solat yang telah ditetapkan oleh para fuqaha’.
- iii → “**Pelaksanaan**” bermaksud perbuatan atau hal melaksanakan solat fardu lima waktu.
- iv → “**Solat**” bermaksud solat fardu iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak semasa dan selepas berlakunya bencana pada keadaan yang sulit dan sukar akibat daripada bencana tersebut.

# SITUASI PERSIAPAN SEBELUM SOLAT

## 1. Situasi persiapan menghilangkan najis:

- i → Najis *mughallazah* (berat) iaitu anjing, khinzir dan keturunan daripada kedua-duanya.
- ii → Najis *mutawassitah* (sederhana) seperti darah, nanah, kencing dan najis.
- iii → Najis *mukhaffafah* (ringan) iaitu kencing kanak-kanak lelaki berumur tidak lebih daripada dua tahun dan minum susu ibu sahaja.
- iv → Najis yang dimaafkan seperti najis kadar yang sedikit pada adat kebiasaan manusia dan tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia. Contohnya percikan air kencing, nanah dan darah yang sedikit.

2. Situasi mangsa dan penyelamat berdasarkan keuzuran:

**I → TUBUH, PAKAIAN DAN TEMPAT SOLAT TERKENA NAJIS.**

- a) Jika najis *mughallazah* (berat), hilangkan najis tersebut, kemudian basuh satu kali dengan air tanah dan enam kali air mutlak.
- b) Jika najis *mutawassitah* (sederhana), hilangkan najis tersebut, kemudian alirkan air mutlak sehingga hilang bau, warna dan rasa najis tersebut.
- c) Jika najis *mukhaffafah* (ringan), hilangkan najis terlebih dahulu, kemudian renjiskan air pada tempat terkena najis tersebut.
- d) Jika najis kadar yang sedikit dan tidak dapat dilihat oleh mata kasar, dimaafkan dan tidak wajib dicuci.

**II → TIADA PAKAIAN KETIKA SOLAT.**

- a) Tutup anggota aurat dengan daun, plastik, kotak dan sebagainya yang dapat menutup warna kulit atau;
- b) Lumur seluruh anggota aurat dengan lumpur sehingga menutup warna kulit,
- c) Jika tidak ditemui alatan untuk menutup aurat, tunaikan solat dengan cara bertelanjang yang jauh daripada pandangan manusia.

**III → TIADA TEMPAT SOLAT.**

- a) Jika berada di darat, cari tempat yang bersih daripada najis seperti masjid, surau, pondok wakaf atau atas tanah.
  - b) Jika tidak menemui tempat yang bersih di darat atau disebabkan terhalang untuk menunaikan solat, maka diharuskan menunaikan solat di atas kenderaan seperti bas, lori, kren, kereta, kereta api dan sebagainya.
  - c) Jika berada di atas air seperti banjir, laut atau sungai, tunaikan solat di atas kenderaan air seperti perahu, kapal, sampan, rakit dan sebagainya.
3. Situasi berwuduk mengikut keadaan mangsa dan penyelamat berdasarkan keuzuran:

**I → WUDUK SEKADAR SEMPURNA RUKUN.**

- a) Basuh tangan sekali.
- b) Niat wuduk.
- c) Basuh muka sekali.
- d) Basuh kedua-dua tangan hingga ke siku sekali.
- e) Sapu kepala sekali.
- f) Basuh kedua-dua kaki hingga ke buku lali sekali.

**II → WUDUK ANGGOTA PATAH BERBALUT/AMPU.**

- a) Balut atau ampu anggota yang patah.
- b) Basuh anggota wuduk yang sihat dan sapu air wuduk atas anggota yang dibalut atau diampu mengikut tertib bermula daripada muka, dua

belah tangan hingga siku, kepala dan dua kaki hingga ke buku lali.

- Contoh: jika tangan kanan berbalut sepenuhnya, sapu air wuduk atas keseluruhan balutan tangan kanan.
- Contoh: jika tangan kanan berbalut sebahagian, sapu air wuduk atas balutan dan basuh pada anggota yang tidak berbalut.



### III → WUDUK ANGGOTA LUKA.

- a) Cuci kawasan luka jika mampu.
- b) Balut, sumbat atau tampal luka jika mampu.
- c) Berwuduk pada anggota wuduk yang sihat dan sapu air atas balutan bagi anggota yang dibalut.
- d) Jika luka tidak dibalut, disumbat atau ditampal, sapukan air atas luka sewaktu mengambil wuduk.
- e) Tidak perlu menyapu atas luka atau atas balutan luka jika mendatangkan mudarat.
- f) Jika darah mengalir selepas dicuci luka dan wuduk, teruskan solat walaupun darah tersebut terkena tubuh atau pakaian atau tempat solat.
- g) Jika keseluruhan tubuh luka dan mudarat sekiranya berwuduk atau bertayamum, tunaikan

solat tanpa wuduk dan tayamum. Ulang semula solat tersebut dengan sempurna sekiranya tempoh untuk sembahut pendek. Tidak perlu ulang solat jika tempoh sembahut panjang.

**IV → WUDUK  
MENGGUNAKAN BOTOL  
SEMBURAN.**

- a) Semburkan air pada tapak tangan sehingga sedikit bertakung.
- b) Alir dan ratakan air ke seluruh bahagian muka dari atas ke bawah disertai dengan niat.
- c) Semburkan air terus pada kawasan tangan sehingga mengalir.
- d) Alir dan ratakan air ke seluruh anggota tangan dari hujung siku hingga ke jari.
- e) Semburkan air pada tapak tangan sehingga sedikit bertakung.
- f) Sapukan air pada sebahagian kepala.
- g) Semburkan air pada kedua-dua anggota kaki dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari.
- h) Alir dan ratakan air dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari.
- i) Alir dan ratakan air pada celah-celah jari kaki.



**V → WUDUK DENGAN BANTUAN ORANG LAIN.**

- a) Semburkan air pada tapak tangan pembantu sehingga sedikit bertakung.
- b) Alir dan ratakan air ke seluruh bahagian muka pesakit dari atas ke bawah disertai dengan niat oleh pesakit.
- c) Semburkan air terus pada kawasan tangan pesakit sehingga mengalir.
- d) Alir dan ratakan air ke seluruh anggota tangan pesakit dari hujung siku hingga ke jari.
- e) Semburkan air pada tapak tangan pembantu sehingga sedikit bertakung.
- f) Sapukan air pada sebahagian kepala pesakit.
- g) Semburkan air pada kedua-dua anggota kaki pesakit dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari.
- h) Alir dan ratakan air dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari pesakit.
- i) Alir dan ratakan air pada celah-celah jari kaki pesakit.



Gambar Hiasan

4. Apabila tidak mampu berwuduk atas kekangan keuzuran, wuduk hendaklah digantikan dengan tayamum. Berikut merupakan dua keadaan tayamum:

I ➔ **TAYAMUM.**

- a) Tepuk dua belah tapak tangan pada tanah berdebu sekali untuk menyapu muka.
- b) Berniat ketika memindahkannya sehingga menyentuh sebahagian muka:



Gambar Hiasan

*“Sahaja aku bertayamum bagi mengharuskan fardu solat kerana Allah Taala.”*

- c) Sapu muka.
- d) Buang debu yang telah digunakan.
- e) Tepuk dua belah tapak tangan ke debu tanah pada kali kedua untuk menyapu kedua-dua tangan.
- f) Pindahkan debu tanah.
- g) Sapu bahagian tangan kanan sebelah belakang tapak tangan kanan dengan menggunakan empat perut jari tangan kiri (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.

- h) Sapu bahagian tangan kanan sebelah hadapan dari siku hingga ke hujung ibu jari dengan menggunakan debu tanah pada tapak tangan kiri dan ibu jari tangan kiri menyapu belakang ibu jari tangan kanan.
- i) Sapu bahagian tangan kiri sebelah belakang tapak tangan kiri dengan menggunakan empat perut jari tangan kanan (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.
- j) Sapu tangan kiri sebelah hadapan dari siku hingga ke hujung ibu jari dengan menggunakan debu tanah pada tapak tangan kanan dan ibu jari tangan kanan menyapu belakang ibu jari tangan kiri.

**INFO**

Sekiranya anggota tayamum iaitu muka dan tangan dibalut atau diampu, boleh sapu debu tanah atas balutan atau atas ampu tersebut.



Gambar Hiasan

**II → TAYAMUM DENGAN BANTUAN ORANG LAIN.**

- a) Tepuk dua belah tapak tangan pada tanah berdebu sekali untuk menyapu muka pesakit.
- b) Pindahkan debu tanah ke muka pesakit dengan niat oleh pesakit:

*“Sahaja aku bertayamum bagi  
mengharuskan fardu solat  
kerana Allah Taala.”*

- c) Sapu keseluruhan muka pesakit.
- d) Buang debu tanah yang telah digunakan.
- e) Tepuk dua belah tapak tangan ke debu tanah pada kali kedua untuk menyapu kedua-dua tangan pesakit.
- f) Pindahkan debu tanah.
- g) Sapu bahagian tangan kanan pesakit sebelah belakang tapak tangan kanan dengan menggunakan empat perut jari tangan kiri (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.
- h) Sapu bahagian tangan kanan pesakit sebelah hadapan dari siku hingga ke hujung ibu jari dengan menggunakan debu tanah pada tapak tangan kiri dan ibu jari tangan kiri menyapu belakang ibu jari tangan kanan.
- i) Sapu bahagian tangan kiri pesakit sebelah belakang tapak tangan kiri dengan menggunakan empat perut jari tangan kanan (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.

- j) Sapu tangan kiri pesakit sebelah hadapan dari siku hingga ke hujung ibu jari dengan menggunakan debu tanah pada tapak tangan kanan dan ibu jari tangan kanan menyapu belakang ibu jari tangan kiri.

**INFO**

Sekiranya anggota tayamum pesakit iaitu muka dan tangan dibalut atau diampu, boleh sapu debu tanah atas balutan atau atas ampu tersebut.

5. Situasi mangsa dan penyelamat melaksanakan solat berdasarkan keuzuran:

**I ↗ TIDAK MENGETAHUI ARAH KIBLAT.**

- Tentukan arah kiblat berdasarkan arah terbenam matahari. Jika waktu malam, tentukan arah kiblat berdasarkan bintang Kutub (Polaris).
- Jika terlindung matahari atau bintang Kutub (Polaris), tentukan arah kiblat mengikut sangkaan hati yang lebih yakin.
- Menghadap ke arah kiblat yang ditentukan.



**II → SOLAT SEKADAR SEMPURNA RUKUN.**

- a) Lafaz takbiratul ihram berserta niat dalam hati.
- b) Baca surah Al-Fatihah.
- c) Rukuk sekadar membaca tasbih sekali.
- d) Iktidal sekadar membaca tasbih sekali.
- e) Sujud sekadar membaca tasbih sekali.
- f) Duduk antara dua sujud sekadar membaca tasbih sekali.
- g) Duduk tahiyyat awal dan akhir. Baca sehingga selawat ke atas Nabi SAW.
- h) Lafaz salam pertama.

**III → SOLAT MENGIKUT KADAR KEMAMPUAN.**

**Kaedah 1:** Tidak boleh berdiri tegak (bongkok).

- a) Berdiri sekadar mampu yang tidak sampai pada had rukuk.
- b) Takbiratul ihram dalam keadaan berdiri sekadar mampu.
- c) Jika mampu bangun berdiri pada rakaat seterusnya maka hendaklah bangun berdiri.
- d) Jika tidak mampu bangun pada rakaat seterusnya maka diharuskan duduk.
- e) Rukuk, sujud, duduk antara dua sujud, tahiyyat awal dan akhir sekadar mampu.

**Kaedah 2:** Boleh berdiri dengan alat sokongan (dinding, tongkat dan lain-lain).

- a) Berdiri dengan menggunakan alat sokongan sama ada memegang atau bersandar pada alat sokongan tersebut.
- b) Takbiratul ihram dalam keadaan berdiri.
- c) Jika mampu bangun berdiri pada rakaat seterusnya, hendaklah bangun berdiri.
- d) Jika tidak mampu bangun pada rakaat seterusnya, diharuskan duduk.
- e) Rukuk, sujud, duduk antara dua sujud, tahiyyat awal dan akhir sekadar mampu dengan alat sokongan.

**Kaedah 3:** Boleh berdiri dalam tempoh sekejap.

- a) Berdiri dalam tempoh yang mampu.
- b) Takbiratul ihram dalam keadaan berdiri.
- c) Berdiri hingga selesai rukuk jika mampu.
- d) Duduk sekiranya tidak mampu berdiri lagi selepas takbiratul ihram.
- e) Bangun berdiri pada rakaat seterusnya jika mampu.
- f) Duduk jika tidak mampu bangun pada rakaat seterusnya.
- g) Rukuk, sujud, duduk antara dua sujud, tahiyyat awal dan akhir sekadar mampu.

**IV → SOLAT SECARA BERDIRI.**

- a) Berdiri menghadap kiblat.
- b) Takbiratul ihram dan niat berdiri.
- c) Baca surah Al-Fatihah dan surah lain secara berdiri.
- d) Rukuk secara berdiri dengan menundukkan kepala sebagai isyarat. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan separuh mata dengan tamakninah.
- e) Iktidal secara berdiri dan tegakkan kepala (jika gunakan kepala) atau buka mata sepenuhnya (jika gunakan mata) dengan tamakninah.
- f) Sujud secara berdiri dengan menundukkan kepala lebih rendah daripada rukuk sebagai isyarat. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan mata sepenuhnya dengan tamakninah.
- g) Duduk antara dua sujud dalam keadaan berdiri dengan tamakninah.
- h) Tahiyat awal dan akhir secara berdiri.
- i) Beri salam secara berdiri.

**V → SOLAT SECARA DUDUK.**

- a) Duduk sama ada atas lantai atau katil menghadap kiblat.
- b) Duduk secara iftirasy, tawaruk atau bersila.
- c) Takbiratul ihram dalam keadaan duduk.
- d) Baca surah Al-Fatihah.

- e) Rukuk secara duduk dengan menundukkan kepala sebagai isyarat. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan separuh mata dengan tamakninah.
- f) Iktidal secara duduk dan tegakkan kepala (jika gunakan kepala) atau buka mata sepenuhnya (jika gunakan mata) dengan tamakninah.
- g) Sujud secara duduk dengan menundukkan kepala lebih rendah daripada rukuk sebagai isyarat. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan mata sepenuhnya dengan tamakninah.
- h) Duduk antara dua sujud dalam keadaan duduk dengan tamakninah.
- i) Tahiyat awal dan akhir secara duduk.
- j) Beri salam secara duduk.

**VI SOLAT SECARA DUDUK ATAS KERUSI.**

- a) Pastikan kedudukan solat anda menghadap kiblat.
- b) Bagi yang mampu, berdiri tegak dan mulakan solat dengan berniat.



Gambar Hiasan

- c) Lakukan takbiratul ihram, kemudian duduk, seandainya anda tidak mampu berdiri lama. Bagi anda yang sememangnya tidak mampu berdiri langsung tetapi masih boleh duduk, lakukan niat dan takbiratul ihram secara duduk.
- d) Kemudian, baca surah Al-Fatiyah.
- e) Apabila hendak rukuk, tundukkan sedikit badan, sebaik-baiknya kedudukan dahi adalah setentang dengan tempat sujud, ataupun sekurang-kurangnya kedudukan dahi setentang melepassi paras lutut.
- f) Apabila hendak melakukan iktidal, kembali tegakkan badan dan lakukan iktidal seperti biasa.
- g) Untuk melakukan sujud, tundukkan badan serta hampirkan dahi semampunya ke tempat sujud. Bagi yang mampu untuk sujud di atas lantai tempat solat, anda boleh bangun sedikit dari kerusi dan lakukan sujud seperti biasa.
- h) Untuk melakukan duduk antara dua sujud, kembali tegakkan badan dan lakukan seperti biasa. Sujud semula untuk sujud kedua.
- i) Ulang kesemua perbuatan di atas mengikut tertib solat fardu yang dikerjakan sehingga solat anda sempurna.
- j) Untuk duduk tasyahud (tahiyat), duduk di atas kerusi dan lakukan tahiyat awal dan akhir seperti biasa.
- k) Beri salam setelah selesai tahiyat akhir.



Gambar Hiasan

**VII · SOLAT MENGIRING KE KANAN ATAU KE KIRI.**

- a) Mengiring ke kanan dengan bahu kanan di bawah atau mengiring ke kiri dengan bahu kiri di bawah.
- b) Muka dan tubuh hadapan menghadap kiblat.
- c) Takbiratul ihram dalam keadaan mengiring.
- d) Rukuk dengan menundukkan kepala ke hadapan. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan separuh mata.
- e) Iktidal secara mengiring dan tegakkan kepala (jika menggunakan kepala) atau buka mata sepenuhnya (jika menggunakan mata) dengan tamakninah.
- f) Sujud dengan menundukkan kepala lebih rendah daripada isyarat rukuk. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan mata sepenuhnya dengan tamakninah.
- g) Duduk antara dua sujud dalam keadaan mengiring dengan tamakninah.

- h) Tahiyat awal dan akhir secara mengiring.
- i) Beri salam secara mengiring.

**VIII → SOLAT BARING  
(TELENTANG).**

- a) Baring menelentang.
- b) Kaki menghala ke arah kiblat.
- c) Tinggikan kepala menggunakan bantal atau sebagainya untuk hadapkan wajah ke arah kiblat.
- d) Takbiratul ihram dalam keadaan telentang.
- e) Rukuk dengan menundukkan kepala ke hadapan. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan separuh mata.
- f) Iktidal secara telentang dan tegakkan kepala (jika menggunakan kepala) atau buka mata sepenuhnya (jika menggunakan mata) dengan tamakninah.
- g) Sujud dengan menundukkan kepala lebih rendah daripada isyarat rukuk. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan mata sepenuhnya dengan tamakninah.
- h) Duduk antara dua sujud dalam keadaan telentang dengan tamakninah.



- i) Tahiyat awal dan akhir secara telentang.
- j) Beri salam secara telentang.

## **IX → SOLAT MENIARAP.**

- a) Meniarap dengan menghadapkan wajah ke arah kiblat.
- b) Takbiratul ihram dalam keadaan meniarap.
- c) Rukuk dengan menundukkan kepala ke hadapan. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan separuh mata.
- d) Iktidal secara meniarap dan tegakkan kepala (jika menggunakan kepala) atau buka mata sepenuhnya (jika menggunakan mata) dengan tamakninah.
- e) Sujud dengan menundukkan kepala lebih rendah daripada isyarat rukuk. Jika tidak mampu menggunakan kepala, gunakan isyarat mata dengan memejamkan mata sepenuhnya dengan tamakninah.
- f) Duduk antara dua sujud dalam keadaan meniarap dengan tamakninah.
- g) Tahiyat awal dan akhir secara meniarap.
- h) Beri salam secara meniarap.

**X → SOLAT MENGGUNAKAN ISYARAT MATA.**

- a) Solat menggunakan isyarat mata apabila tidak mampu menggerakkan anggota untuk melaksanakan rukun solat.
- b) Isyarat mata boleh digunakan ketika solat dalam keadaan berdiri, duduk, mengiring, telentang atau meniarap.
- c) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- d) Lafaz takbiratul ihram berserta niat dalam hati.
- e) Baca surah Al-Fatihah dalam keadaan isyarat mata terbuka.
- f) Rukuk dengan isyarat mata dengan memejamkan separuh mata dengan tamakninah.
- g) Iktidal dengan isyarat membuka mata sepenuhnya dengan tamakninah.
- h) Sujud secara isyarat memejamkan mata sepenuhnya dengan tamakninah.
- i) Duduk antara dua sujud dengan isyarat membuka mata sepenuhnya dengan tamakninah.
- j) Baca tahiyyat awal dan akhir dalam keadaan isyarat mata terbuka.
- k) Beri salam dalam keadaan isyarat mata terbuka.

**XI ➔ SOLAT MENGGUNAKAN ISYARAT HATI.**

- a) Solat menggunakan isyarat hati apabila tidak mampu menggerakkan anggota dan mata untuk melaksanakan rukun solat.
- b) Isyarat hati boleh digunakan ketika solat dalam keadaan berdiri, duduk, mengiring, telentang atau meniarap.
- c) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- d) Takbiratul ihram dan niat dalam hati.
- e) Baca surah Al-Fatihah dalam hati.
- f) Rukuk secara isyarat hati dengan tamakninah.
- g) Iktidal secara isyarat hati dengan tamakninah.
- h) Sujud secara isyarat hati dengan tamakninah.
- i) Duduk antara dua sujud secara isyarat hati dengan tamakninah.
- j) Baca tahiyat awal dan akhir dalam hati.
- k) Beri salam dalam hati.

XII ➤ SOLAT JAMAK.

**Kaedah: Jamak *Taqdim***

- a) Hadap ke arah kiblat.
- b) Takbiratul ihram serta niat solat jamak *taqdim* pada kedua-dua solat; contohnya solat Zuhur dan Asar ditunaikan dalam waktu Zuhur.
- c) Niat “*Sahaja aku solat fardu Zuhur empat rakaat dan menghimpunkan Asar ke dalamnya jamak taqdim kerana Allah Taala.*”
- d) Tunaikan solat Zuhur empat rakaat hingga selesai memberi salam.
- e) Bangun dan takbiratul ihram sekali lagi berserta niat menunaikan solat Asar empat rakaat sehingga selesai memberi salam.
- f) Niat “*Sahaja aku solat fardu Asar empat rakaat dihimpunkan kepada Zuhur jamak taqdim kerana Allah Taala.*”
- g) Tunaikan solat Asar empat rakaat hingga selesai memberi salam.

**Kaedah: Jamak *Ta'khir***

- a) Berniat jamak *ta'khir* dalam waktu solat pertama (Zuhur/Maghrib).
- b) Hadap ke arah kiblat.
- c) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat jamak *ta'khir* pada kedua-dua solat; contohnya solat Asar dan Zuhur.

- d) Sunat tunaikan solat waktu pertama terlebih dahulu seperti tunaikan Zuhur terlebih dahulu diikuti Asar dalam waktu Asar. Boleh juga tunaikan solat Asar terlebih dahulu.
- e) Niat “*Sahaja aku solat fardu Zuhur empat rakaat, dihimpunkan kepada Asar jamak ta’akhir kerana Allah Taala.*”
- f) Tunaikan solat Zuhur empat rakaat hingga selesai memberi salam.
- g) Bangun dan takbiratul ihram sekali lagi berserta niat menunaikan solat Asar empat rakaat sehingga selesai memberi salam.
- h) Niat “*Sahaja aku solat fardu Asar empat rakaat menghimpunkan Zuhur ke dalamnya jamak ta’akhir kerana Allah Taala.*”
- i) Tunaikan solat Asar empat rakaat hingga selesai memberi salam.

### **XIII • SOLAT KETIKA RISIKO/KETAKUTAN.**

- a) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- b) Boleh tunaikan solat mengikut kemampuan sama ada berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap sehingga selesai.
- c) Boleh mengubah posisi dan pergerakan solat mengikut keperluan ketika dalam solat seperti mengubah arah kiblat, memalingkan muka

- ke arah yang diperlukan, berjalan, berlari dan sebagainya.
- d) Boleh menunaikan solat atas kenderaan seperti kereta, trak, lori, ambulans, kren, jentolak dan sebagainya.
  - e) Tunaikan solat secara ringkas dengan melakukan perkara-perkara yang rukun sahaja.

**XIV SOLAT HORMAT WAKTU.**

- a) Tunaikan solat tanpa wuduk dan tayamum.
- b) Boleh dilaksanakan mengikut kemampuan sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring, telentang atau meniarap.
- c) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- d) Lafaz takbiratul ihram berserta niat dalam hati.
- e) Baca surah Al-Fatihah.
- f) Rukuk mengikut kemampuan dengan tamakninah.
- g) Iktidal mengikut kemampuan dengan tamakninah.
- h) Sujud mengikut kemampuan dengan tamakninah.
- i) Duduk antara dua sujud mengikut kemampuan dengan tamakninah.
- j) Tahiyat awal dan akhir.
- k) Lafaz salam pertama.
- l) Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**INFO**

Solat hormat waktu boleh juga dilakukan secara jamak *ta'khir*.

**XV SOLAT DALAM KENDERAAN**

**Kaedah 1:** Solat dalam kenderaan (lori, trak) dalam keadaan mampu berdiri.

- a) Berdiri menghadap kiblat sekiranya kenderaan tidak bergerak.
- b) Jika kenderaan bergerak, hadap ke arah kiblat sekurang-kurangnya pada takbiratul ihram jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah.
- c) Lafaz takbiratul ihram berserta niat dalam hati.
- d) Baca surah Al-Fatihah.



Gambar Hiasan

- e) Rukuk mengikut kemampuan dengan tamakninah.
- f) Iktidal mengikut kemampuan dengan tamakninah.
- g) Sujud mengikut kemampuan dengan tamakninah.
- h) Duduk antara dua sujud mengikut kemampuan dengan tamakninah.
- i) Tahiyat awal dan akhir.
- j) Lafaz salam pertama.

**Kaedah 2:** Solat dalam kenderaan yang tidak memungkinkan untuk berdiri (kereta, ambulans, trak kecil dan sebagainya).

- a) Duduk menghadap kiblat dalam kenderaan sama ada ia bergerak atau tidak sekiranya mampu.
- b) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- c) Lakukan takbiratul ihram dan niat secara duduk.
- d) Baca surah Al-Fatihah.
- e) Rukuk dengan menundukkan sedikit badan, sebaik-baiknya kedudukan dahi adalah setentang dengan tempat sujud.

- f) Iktidal dengan kembali menegakkan badan secara duduk.
- g) Sujud dengan menundukkan badan lebih rendah daripada rukuk setentang dengan tempat sujud.
- h) Duduk antara dua sujud dengan menundukkan badan.
- i) Ulang kesemua perbuatan di atas mengikut tertib solat fardu yang dikerjakan sehingga solat anda sempurna.
- j) Duduk tahiyyat awal dan akhir seperti biasa.
- k) Beri salam.

**INFO**

Solat dalam kenderaan boleh dilakukan sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring telentang atau meniarap mengikut kemampuan.



## PELAKSANAAN SOLAT MENGIKUT KESULITAN BENCANA

Kaedah wuduk dan solat mengikut kesulitan bencana.

### 1. Bencana Banjir dan Tsunami.

#### I → WUDUK KETIKA BANJIR DAN TSUNAMI.

- a) Bersihkan tubuh, pakaian dan tempat solat.
- b) Jika air banjir bercampur dengan najis atau kotoran, jangan masukkan ke dalam hidung atau mulut untuk berkumur.
- c) Basuh pergelangan tangan.
- d) Berwuduk dengan membasuh anggota wajib sahaja iaitu muka, kedua-dua tangan hingga ke siku, kepala dan kedua-dua kaki hingga ke buku lali.

**INFO**

Jika air banjir dan tsunami bercampur dengan sesuatu yang memudaratkan seperti racun, toksik dan sebagainya, tunaikan solat secara hormat waktu tanpa wuduk dan tayammum. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**II → SOLAT KETIKA BANJIR DAN TSUNAMI.**

**Kaedah 1:** Solat berdiri dalam air.

- a) Jika tempat dipenuhi air, tentukan tempat solat dan hadap ke arah kiblat.
- b) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat.
- c) Baca surah Al-Fatiyah.
- d) Rukuk serta tamakniah.
- e) Iktidal serta tamakniah.
- f) Sujud berserta tamakniah dengan posisi rukuk tetapi lebih rendah.
- g) Duduk antara dua sujud berserta tamakniah dalam keadaan berdiri.
- h) Tahiyat awal dan akhir dalam keadaan berdiri.
- i) Beri salam dalam keadaan berdiri.



**Kaedah 2:** Solat duduk di dalam air kerana tidak mampu berdiri.

- a) Jika tempat solat dipenuhi air, dapatkan sesuatu untuk duduk seperti kerusi, tunggul kayu, katil dan sebagainya.
- b) Jika tidak diperoleh, solat secara duduk *iftirasy*, tawaruk atau bersila di dalam air.
- c) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- d) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat dalam hati.
- e) Baca surah Al-Fatihah.
- f) Rukuk serta tamakniah dengan menundukkan sedikit badan dan kepala.
- g) Iktidal serta tamakniah dengan menegakkan badan dan kepala.
- h) Sujud serta tamakniah dengan menundukkan badan dan kepala lebih rendah daripada had rukuk.
- i) Duduk antara dua sujud berserta tamakniah.
- j) Duduk tahiyat awal dan akhir.
- k) Beri salam

**Kaedah 3:** Solat atas bot, rakit, bongkah kayu, tong.

- a) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- b) Berdiri jika mampu. Jika tidak mampu, tunaikan solat dalam keadaan duduk atau jika tidak mampu duduk, tunaikan dalam keadaan mengiring, berbaring atau meniarap.
- c) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat dalam hati.
- d) Baca surah Al-Fatihah.
- e) Rukuk serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- f) Iktidal serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- g) Sujud serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- h) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- i) Duduk tahiyyat awal dan akhir mengikut kadar kemampuan solat secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- j) Beri salam.

**Kaedah 4:** Solat atas pelampung dan tayar.

- a) Berada dalam posisi terapung, separuh badan di dalam air.
- b) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- c) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat dalam hati.
- d) Baca surah Al-Fatihah.
- e) Rukuk serta tamakninah dengan menundukkan kepala mengikut kadar kemampuan.
- f) Iktidal serta tamakninah dengan menegakkan kepala.
- g) Sujud serta tamakninah dengan menundukkan kepala mengikut kadar kemampuan lebih rendah daripada rukuk.
- h) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah dalam keadaan terapung.
- i) Tahiyat awal dan akhir dalam keadaan terapung.
- j) Beri salam.

**Kaedah 5:** Solat di tempat bernajis.

- a) Jika tempat solat dipenuhi najis, lapik tempat tersebut dengan sesuatu yang menghalang najis terkena tubuh dan pakaian seperti kotak, kayu, papan, plastik, daun dan sebagainya.
- b) Berdiri jika mampu tetapi jika tidak mampu berdiri, tunaikan dalam keadaan duduk, atau jika tidak mampu duduk, tunaikan solat dalam keadaan mengiring, berbaring atau meniarap.
- c) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- d) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat dalam hati.
- e) Baca surah Al-Fatihah.
- f) Rukuk serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- g) Iktidal serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- h) Sujud serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- i) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat sama ada

secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.

- j) Duduk tahiyat awal dan akhir mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- k) Beri salam.

**Kaedah 6:** Solat di atas kawasan berlumpur.

- a) Pastikan posisi tanah berlumpur yang boleh berdiri dan tidak tenggelam.
- b) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- c) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat.
- d) Baca surah Al-Fatihah.
- e) Rukuk serta tamakninah.
- f) Iktidal serta tamakninah.
- g) Sujud berserta tamakninah dengan posisi rukuk tetapi lebih rendah kerana tanah berlumpur.
- h) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah dalam keadaan berdiri kerana tanah berlumpur.
- i) Tahiyat awal dan akhir dalam keadaan berdiri kerana tanah berlumpur.
- j) Beri salam dalam keadaan berdiri kerana tanah berlumpur.

## 2. Bencana Ribut Taufan.

### I WUDUK KETIKA RIBUT TAUFAN.

- a) Berwuduk secara ringkas jika mampu memperoleh air seperti air hujan, sungai atau laut.
- b) Bertayamum dengan debu tanah jika tidak mampu berwuduk.
- c) Jika air dan debu tidak diperoleh, tunaikan solat secara hormat waktu tanpa wuduk dan tayamum. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

### II SOLAT KETIKA RIBUT TAUFAN.

- a) Jika ribut ketika mendirikan solat, boleh memilih antara:  
Teruskan solat atau berhenti serta-merta.
- b) Jika teruskan solat, lakukan pergerakan solat sekadar kemampuan sama ada berdiri, duduk atau berbaring.
- c) Tunaikan solat secara ringkas dengan melaksanakan rukun-rukun solat sahaja sehingga selesai.
- d) Boleh tunaikan solat dalam kenderaan seperti kereta, lori, trak dan sebagainya jika tidak dapat keluar dari kenderaan.
- e) Jika solat dihentikan, ulangi solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan. Solat boleh dijamakkan, sama ada jamak *taqdim* atau jamak

*ta'khir* ketika ribut melanda dan wujud kesulitan pada mangsa untuk menunaikan solat.

**INFO**

Sekiranya tempat untuk menunaikan solat dipenuhi benda tajam, hadap ke arah kiblat dan tunaikan solat dengan cara berdiri daripada takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.

**3. Bencana Tanah dan Bangunan runtuh serta Gempa Bumi.**

**I → WUDUK KETIKA TANAH DAN BANGUNAN RUNTUUH SERTA GEMPA BUMI.**

- a) Jika luka mana-mana anggota, cuci luka tersebut jika mampu. Jika tidak mampu, biarkan luka tersebut walaupun darah mengalir.
- b) Balut, sumbat atau tampal luka atau bahagian yang patah jika mampu.
- c) Berwuduk jika mampu. Jika tidak mampu wuduk, hendaklah bertayamum.
- d) Basuh anggota wuduk yang sihat dan sapu pada anggota yang luka, patah atau atas balutan.
- e) Boleh menggunakan air botol mineral atau air botol semburan untuk berwuduk.
- f) Jika anggota wuduk hancur, tidak perlu sapu air wuduk atau debu tanah pada anggota tersebut.

- g) Jika luka tidak dibalut, disumbat atau ditampal, sapukan air ke atas luka sewaktu mengambil wuduk.
- h) Tidak perlu menyapu atas luka atau atas balutan luka jika mendatangkan mudarat.
- i) Jika darah mengalir selepas dicuci luka dan wuduk, teruskan solat walaupun darah tersebut terkena tubuh atau pakaian atau tempat solat.
- j) Jika keseluruhan tubuh luka dan mudarat sekiranya berwuduk atau bertayamum, tunaikan solat tanpa wuduk dan tayamum. Ulang semula solat tersebut sekiranya tempoh untuk sembah pendek. Tidak perlu ulang solat jika tempoh untuk sembah panjang.

**INFO**

Jika tidak mampu berwuduk atau bertayamum kerana kesukaran untuk mendapatkan air atau tanah, tersepit dalam bangunan, tertimbus sebahagian anggota dalam tanah, kesakitan yang bersangatan dan sebagainya, tunaikan solat secara hormat waktu dan ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

Gambar Hiasan

## II → SOLAT ATAS TIMBUNAN RUNTUHAN BANGUNAN.

**Kaedah 1:** Tempat yang tidak rata.

- a) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- b) Tunaikan solat sekadar mampu berdasarkan tempat.
- c) Jika tempat tersebut tidak memungkinkan untuk duduk, sujud dan rukuk, tunaikan solat secara berdiri dari takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.
- d) Jika tempat tersebut tidak memungkinkan untuk berdiri, tunaikan solat secara duduk sama ada duduk secara *iftirasy*, tawaruk atau bersila dari takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.

**Kaedah 2:** Tempat yang dipenuhi benda tajam.

- a) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- b) Tunaikan solat dengan cara berdiri bermula daripada takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.

**Kaedah 3:** Tempat yang licin

- a) Hadap ke arah kiblat dengan keadaan duduk secara *iftirasy*, tawaruk atau bersila. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- b) Tunaikan solat dalam keadaan duduk secara *iftirasy*, tawaruk atau bersila sekadar termampu bermula daripada takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.
- c) Boleh memegang atau bersandar pada sesuatu yang dapat menahan daripada tergelincir.

**INFO**

Jika tidak dapat berwuduk kerana ketiadaan air, hendaklah bertayamum. Jika air dan debu sukar diperoleh, tunaikan solat tersebut secara hormat waktu. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**Kaedah 4:** Tidak mengetahui arah kiblat.

- a) Berdiri menghadap arah kiblat mengikut rasa ketetapan hati.
- b) Tunaikan solat secara biasa sekiranya mampu.
- c) Jika tempat tersebut atau situasi mangsa dan penyelamat hanya boleh berdiri dan rukuk, tetapi tidak boleh sujud dan duduk antara dua sujud, tunaikan solat secara berdiri dan sujud dalam posisi rukuk yang lebih rendah. Sempurnakan solat secara berdiri hingga salam pertama.
- d) Jika tidak mampu berdiri, tunaikan solat secara duduk sama ada secara *iftirasy*, tawaruk atau bersila bermula dari takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.
- e) Jika tidak mampu juga, tunaikan solat secara mengiring, berbaring (telentang) atau meniarap bermula dari takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.

**Kaedah 5:** Ruang untuk solat sempit.

- a) Pastikan keluasan ruang solat.
- b) Jika ruang solat mencukupi untuk melakukan solat secara biasa, tunaikan solat secara biasa.
- c) Jika ruang solat mencukupi hanya untuk berdiri, tunaikan solat secara berdiri bermula dari awal takbiratul ihram sehingga selesai memberi salam pertama.
- d) Jika ruang solat mencukupi hanya untuk duduk, tunaikan solat secara duduk dari awal takbiratul ihram sehingga selesai memberi salam pertama.
- e) Jika ruang solat mencukupi hanya untuk mengiring, telentang atau meniarap, tunaikan solat secara keadaan tersebut dari awal takbiratul ihram sehingga selesai memberi salam pertama.

**INFO**

Jika tidak dapat berwuduk kerana ketiadaan air, hendaklah tayamum. Jika air dan debu tidak diperolehi, tunaikan solat tersebut secara hormat waktu.

**Kaedah 6:** Tanah yang tidak rata dan curam.

- a) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- b) Tunaikan solat sekadar mampu berdasarkan keadaan tempat tersebut.
- c) Jika tempat tersebut tidak boleh rukuk, sujud dan duduk antara dua sujud, tunaikan solat secara berdiri bermula dari takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.
- d) Jika tempat tersebut boleh berdiri dan rukuk, tetapi tidak boleh sujud dan duduk antara dua sujud, tunaikan solat secara berdiri dan sujud dalam posisi rukuk tetapi lebih rendah. Sempurnakan solat secara berdiri hingga salam pertama.
- e) Jika tempat tersebut tidak boleh berdiri, tunaikan solat secara duduk sama ada duduk secara *iftirasy*, tawaruk atau bersila daripada takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama.

**Kaedah 7:** Tanah yang lembik.

- a) Dapatkan posisi tanah lembik berlumpur yang boleh berdiri dan tidak tenggelam.
- b) Hadap ke arah kiblat dengan keadaan berdiri. Jika tidak mampu, boleh menghadap ke mana-

mana arah. Solat tersebut hendaklah diulang kembali dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

- c) Jika mampu berdiri dan rukuk, tetapi tidak boleh sujud dan duduk antara dua sujud kerana tanah berlumpur, tunaikan solat secara berdiri dan sujud dalam posisi rukuk tetapi lebih rendah. Sempurnakan solat secara berdiri hingga salam pertama.

**INFO**

Jika tidak dapat berwuduk, tunaikan solat tersebut secara hormat waktu. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**III → TERSEPIT DALAM RUNTUHAN BANGUNAN.**

- a) Tayamum jika mampu.
- b) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- c) Tunaikan solat berdasarkan kemampuan untuk menggerakkan anggota badan.
- d) Jika boleh rukuk, sujud dan duduk antara dua sujud, tunaikan solat seperti biasa.
- e) Jika tidak boleh rukuk, sujud dan duduk antara dua sujud, tunaikan secara isyarat dalam posisi

tersepit dan gerakkan kepala sebagai isyarat rukuk dan sujud.

- f) Jika tidak boleh menggerakkan kepala, gunakan isyarat mata untuk rukuk dan sujud.
- g) Jika tidak boleh menggunakan isyarat mata untuk rukuk dan sujud, gunakan isyarat hati.
- h) Tunaikan solat bermula daripada takbiratul ihram hingga selesai memberi salam pertama dalam posisi tersebut.

**INFO**

Jika tidak mampu bertayamum, tunaikan solat secara hormat waktu dan ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**IV → SOLAT DI KAWASAN YANG BERGEGAR GEMPA.**

**Kaedah 1:** Solat telah bermula sebelum gempa.

- a) Pastikan keadaan selamat untuk teruskan solat.
- b) Teruskan solat jika mampu.
- c) Lakukan pergerakan solat sekadar kemampuan. Jika boleh ditunaikan secara biasa, tunaikan secara biasa.
- d) Jika tidak mampu berdiri, tunaikan solat secara duduk sama ada *iftirasy*, tawaruk atau bersila.
- e) Jika tidak mampu secara duduk, tunaikan solat secara mengiring ke kiri atau ke kanan.

- f) Jika tidak mampu secara mengiring, tunaikan secara berbaring (telentang).
- g) Jika tidak mampu secara berbaring (telentang), tunaikan secara meniarap.
- h) Tunaikan solat dalam posisi yang termampu hingga selesai.
- i) Jika didapati keadaan tidak selamat, hentikan solat serta-merta dan ulang solat tersebut dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**INFO**

Harus menghentikan solat jika keadaan pening/mabuk yang bersanggatan dan keselamatan tidak terjamin.

Harus jamak solat bagi mangsa dan penyelamat dalam situasi ketakutan/risiko akibat tanah atau bangunan runtuh serta gempa bumi.

**Kaedah 2:** Jamak solat.

- a) Tunaikan solat secara jamak sama ada jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir*.
- b) Jika jamak *taqdim*, tunaikan solat pertama (Zuhur/Maghrib) dan solat kedua (Asar/Isyak) dalam waktu solat pertama.
- c) Niat jamak *taqdim* pada waktu solat pertama yang boleh dijamak (Zuhur/Maghrib).

- d) Jika jamak *ta'khir*, tunaikan solat pertama (Zuhur/Maghrib) dan solat kedua (Asar/Isyak) dalam waktu solat kedua.

**INFO**

Niat jamak *ta'khir* pada waktu solat pertama yang boleh dijamak (Zuhur/Maghrib).

**V → TEMPOH MASA KERJA PENYELAMAT YANG LAMA DAN BERISIKO.**

**INFO**

Harus jamak solat bagi penyelamat dalam situasi tempoh masa kerja yang lama.

**Kaedah 1:** Jamak solat.

- a) Berwuduk jika ada air. Jika tiada air, hendaklah bertayamum dengan debu tanah yang bersih.
- b) Tunaikan solat secara jamak sama ada *taqdim* atau *ta'khir*.
- c) Jika jamak *taqdim*, tunaikan solat pertama (Zuhur/Maghrib) dan solat kedua (Asar/Isyak) dalam waktu solat pertama.
- d) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah.

- e) Tunaikan solat mengikut kemampuan sama ada berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap sehingga selesai.
- f) Niat jamak *taqdim* pada waktu solat pertama yang boleh dijamak (Zuhur/Maghrib).
- g) Jika jamak *ta'khir*, tunaikan solat pertama (Zuhur/Maghrib) dan solat kedua (Asar/Isyak) dalam waktu solat kedua.
- h) Niat jamak *ta'khir* pada waktu solat pertama yang boleh dijamak (Zuhur/Maghrib).
- i) Tunaikan solat secara ringkas dengan melakukan perkara-perkara yang rukun sahaja.
- j) Jika berlaku risiko sewaktu solat, hentikan solat dengan segera.

**INFO**

Jika tidak dapat berwuduk kerana ketiadaan air, hendaklah bertayamum. Jika air dan debu tidak diperoleh, tunaikan solat tersebut secara hormat waktu.

**Kaedah 2:** Tunaikan solat tanpa jamak.

- a) Berwuduk pada anggota wajib sahaja.
- b) Boleh menggunakan air mineral atau botol semburan.
- c) Hadap ke arah kiblat.

- d) Tunaikan solat mengikut kemampuan sama ada berdiri, duduk, mengiring atau berbaring sehingga selesai.
- e) Tunaikan solat secara ringkas dengan melakukan perkara-perkara yang rukun sahaja.

**INFO**

Jika tidak dapat berwuduk kerana ketiadaan air, hendaklah bertayamum. Jika air dan debu tidak diperoleh, tunaikan solat tersebut secara hormat waktu.

**4. Bencana Kemarau Panjang.**

**I → WUDUK/TAYAMUM KETIKA KEMARAU PANJANG.**

- a) Jika terdapat najis pada badan, pakaian atau tempat solat dengan kadar sedikit dan tidak dapat dilihat, ia dimaafkan dan tidak perlu dicuci.
- b) Jika najis itu banyak, perlu dihilangkan *ain* najis tersebut terlebih dahulu dengan menggunakan kertas, daun, tisu dan sebagainya. Kemudian bilas dengan cecair yang bersih seperti cuka, air mawar, jus buah, *hand sanitizer* dan sebagainya.
- c) Jika cecair tersebut tidak didapati, hilangkan *ain* najis tersebut terlebih dahulu dengan menggunakan kertas, daun, tisu dan sebagainya, kemudian keringkan kesan najis tersebut di bawah sinaran matahari atau haba api.
- d) Dapatkan debu tanah yang suci.

- e) Tayamum dengan debu tanah yang suci tersebut.

**INFO**

Jika terdapat air yang sedikit, utamakan penggunaannya untuk makan dan minum. Jika ada lebihan, gunakan untuk mensucikan najis pada tubuh, pakaian atau tempat solat. Jika ada lebihan lagi, gunakan untuk berwuduk secara ringkas.

**II ➤ SOLAT KETIKA KEMARAU PANJANG.**

- a) Boleh menunaikan solat mengikut kadar kemampuan sama ada secara berdiri, duduk, mengiring atau berbaring mengikut kaedah-kaedahnya.
- b) Hadap ke arah kiblat.
- c) Lafaz takbiratul ihram berserta niat dalam hati.
- d) Baca surah Al-Fatihah.
- e) Rukuk serta tamaknina.
- f) Iktidal serta tamaknina.
- g) Sujud serta tamaknina.
- h) Duduk antara dua sujud serta tamaknina.
- i) Duduk tahiyyat awal dan akhir.
- j) Lafaz salam.

**INFO**

Harus menunaikan solat secara jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir* ketika kemarau panjang apabila air untuk berwuduk didapati pada salah satu waktu solat yang boleh dijamak. Jika air tidak di dapati langsung, tidak boleh menunaikan solat secara jamak kerana boleh menggunakan debu tanah yang suci untuk bertayamum.

- a) Jika air untuk berwuduk boleh didapati hanya pada waktu solat pertama iaitu Zuhur atau Maghrib, tunaikan solat secara jamak *taqdim*.
- b) Tunaikan solat pertama dan solat kedua dalam waktu solat pertama.
- c) Niat jamak *taqdim* ketika takbiratul ihram solat pertama.
- d) Jika air untuk berwuduk boleh didapati hanya pada waktu solat kedua iaitu Asar atau Isyak, tunaikan solat secara jamak *ta'khir*.
- e) Tunaikan solat pertama dan solat kedua dalam waktu solat kedua.
- f) Niat jamak *ta'khir* pada waktu solat pertama yang boleh dijamak.

**5. Bencana Kemalangan (Gas dan Bahan Kimia Beracun).**

**I WUDUK/TAYAMUM KETIKA KEMALANGAN  
(GAS DAN BAHAN KIMIA BERACUN).**

- a) Pakai topeng gas atau penutup muka dan pakaian PPE.
- b) Sapu air wuduk di atas topeng gas atau penutup muka yang menutup muka sepenuhnya. Jika ada bahagian muka yang terdedah, pastikan bahagian tersebut disapu dengan air wuduk.
- c) Sapu air wuduk di atas pakaian PPE yang menutup anggota tangan, kepala dan kaki. Jika ada bahagian yang terdedah, pastikan bahagian tersebut disapu dengan air wuduk.
- d) Jika tidak boleh didapati air untuk berwuduk, dibolehkan bertayamum dengan menyapu debu yang suci di atas topeng gas yang menutup muka dan pada pakaian PPE yang menutup anggota tangan hingga ke siku. Jika ada bahagian muka dan tangan yang terdedah, pastikan bahagian tersebut disapu dengan debu suci.

**INFO**

Jika air dan debu tidak didapati, tunaikan solat hormat waktu dan ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**II → SOLAT KETIKA KEMALANGAN (GAS DAN BAHAN KIMIA BERACUN).**

- a) Pakai topeng gas atau penutup muka dan pakaian PPE sepanjang menunaikan solat.
- b) Hadap ke arah kiblat.
- c) Tunaikan solat dengan memakai topeng gas atau penutup dan pakaian PPE.
- d) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat.
- e) Baca surah Al-Fatihah.
- f) Rukuk berserta tamakniah jika mampu. Jika tidak mampu kerana membawa tong gas, rukuk secara berdiri dengan menundukkan kepala.
- g) Iktidal serta tamakniah dengan menegakkan kembali kepala.
- h) Sujud berserta tamakniah jika mampu. Jika tidak mampu kerana membawa tong gas, sujud secara berdiri dalam posisi menundukkan kepala yang lebih rendah daripada rukuk.
- i) Duduk antara dua sujud berserta tamakniah dalam keadaan berdiri.
- j) Tahiyat awal dan akhir dalam keadaan berdiri.
- k) Beri salam dalam keadaan berdiri.

**INFO**

Harus jamak solat ketika menjalankan tugas yang memakan masa yang panjang.

- a) Tunaikan solat secara jamak sama ada jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir*.
- b) Ambil wuduk dan tunaikan solat secara jamak *taqdim* sekiranya pakaian PPE dipakai selepas menunaikan solat jamak *taqdim* dan tempoh pemakaian berlanjutan sehingga tamat waktu solat kedua (Asar/Isyak).
- c) Ambil wuduk dan tunaikan solat secara jamak *ta'khir* sekiranya pakaian PPE ditanggalkan pada waktu solat kedua (Asar/Isyak).
- d) Jika tidak mampu berwuduk, tayamum boleh dilakukan di atas pakaian PPE setiap kali masuk waktu solat dengan mengambil kira hukum *faqid al-tohurain* (orang yang tiada air dan debu tanah).
- e) Jika keadaan mendesak, boleh melakukan solat jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir* secara tamam dengan satu tayamum.
- f) Jika topeng gas atau penutup muka dan pakaian PPE tidak dapat ditanggalkan sepanjang menjalankan tugas yang melibatkan dua waktu solat, tunaikan solat secara jamak dengan memakai topeng gas atau penutup muka dan pakaian PPE.

Gambar Hiasan



**6. Bencana Jerebu.**

**I → WUDUK DALAM BENCANA JEREBU.**

- a) Buka pelitup muka (*mask*).
- b) Berkumur dan masukkan air ke dalam hidung.
- c) Basuh muka dengan berniat wuduk di dalam hati.
- d) Basuh kedua-dua tangan hingga ke siku.
- e) Sapu kepala.
- f) Basuh kedua-dua kaki hingga ke buku lali.

**II → SOLAT DALAM BENCANA JEREBU.**

- a) Pakai pelitup muka (*mask*) sepanjang menunaikan solat.
- b) Hadap ke arah kiblat.
- c) Tunaikan solat dengan memakai pelitup muka bermula dari takbiratul ihram hingga selesai memberi salam dan penuhi semua rukun solat.
- d) Sujud dengan memakai pelitup muka (*mask*).

**7. Bencana Kebakaran.**

**I → WUDUK DALAM BENCANA KEBAKARAN.**

- a) Pakai pakaian PPE kalis api.
- b) Sapu air wuduk di atas pakaian PPE yang menutup anggota wuduk; muka, tangan, kepala dan kaki.
- c) Jika tidak diperoleh air untuk berwuduk, tayamum dengan menyapu debu yang suci di atas pakaian PPE kalis api pada anggota

tayamum iaitu muka dan kedua-dua tangan hingga ke siku.

**INFO**

Jika air dan debu tidak didapati, tunaikan solat hormat waktu dan ulang semula solat dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**II → SOLAT DALAM BENCANA KEBAKARAN.**

**Kaedah 1:** Solat atas kren bomba.

- a) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- b) Tunaikan solat secara berdiri di atas kren dengan memakai pakaian PPE kalis api.
- c) Rukuk, sujud, duduk antara dua sujud, duduk tahiyyat awal dan akhir dalam keadaan berdiri di atas kren.
- d) Gunakan kepala untuk isyarat bagi rukuk dan sujud.
- e) Tundukkan kepala ke hadapan sedikit untuk isyarat rukuk.
- f) Angkat semula kepala selepas tunduk isyarat rukuk untuk iktidal.

- g) Sujud dengan menundukkan kepala lebih rendah daripada isyarat rukuk.
- h) Tegakkan kembali kepala selepas sujud pertama sebagai isyarat untuk duduk antara dua sujud.
- i) Tahiyat awal dan akhir dalam keadaan berdiri.
- j) Beri salam.

**Kaedah 2:** Solat di kawasan kebakaran (sewaktu operasi).

- a) Pakai pakaian PPE kalis api sepanjang menunaikan solat.
- b) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- c) Tunaikan solat secara berdiri, duduk atau sebagainya mengikut kemampuan dengan memakai pakaian PPE kalis api.
- d) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat.
- e) Baca surah Al-Fatihah.



Gambar Hiasan

- f) Rukuk berserta tamakniah mengikut kemampuan solat.
- g) Iktidal mengikut kemampuan solat.
- h) Sujud berserta tamakniah mengikut kemampuan solat.
- i) Duduk antara dua sujud mengikut kemampuan solat.
- j) Tahiyat awal dan akhir mengikut kemampuan solat.
- k) Beri salam.

**INFO**

Harus jamak solat bagi penyelamat dalam situasi kerja memadam api.

- a) Tunaikan solat secara jamak sama ada jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir*.
- b) Ambil wuduk dan tunaikan solat secara jamak *taqdim* sekiranya pakaian PPE kalis api dipakai selepas menunaikan solat jamak *taqdim* dan tempoh pemakaian berlanjutan sehingga tamat waktu solat kedua (Asar/Isyak).
- c) Ambil wuduk dan tunaikan solat secara jamak *ta'khir* sekiranya pakaian PPE kalis api ditanggalkan pada waktu solat kedua (Asar/Isyak).
- d) Jika pakaian PPE kalis api tidak dapat ditanggalkan sepanjang menjalankan tugas yang melibatkan dua waktu solat, tunaikan solat

secara jamak dengan memakai pakaian PPE kalis api.

- e) Jika air tidak didapati, hendaklah bertayamum dengan menyapu debu tanah atas pakaian PPE kalis api pada bahagian muka dan kedua-dua tangan hingga ke siku.
- f) Jika tidak didapati air dan debu tanah kerana kesukaran, tunaikan solat secara hormat waktu. Ulangi solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

## 8. Bencana COVID-19.

### I → WUDUK KETIKA BENCANA PANDEMIK COVID-19.

**Kaedah 1:** Wuduk/Tayamum pesakit COVID-19 Secara Sendiri.

- a) Sapu air wuduk di atas alat bantuan pernafasan (*ventilator*) yang menutup anggota wuduk muka. Bagi bahagian muka yang tidak ditutup oleh alat pernafasan, sapu (ratakan air) pada kawasan tersebut.
- b) Sapu bahagian kepala yang tidak tertutup dengan air.
- c) Sapu (ratakan air) pada anggota wuduk tangan dan kaki. Jika terdapat balutan atau tampalan, sapu air atas balutan atau tampalan tersebut.
- d) Jika tidak mampu berwuduk, hendaklah tayamum di atas alat bantuan pernafasan



Gambar Hiasan

(*ventilator*) yang menutup anggota tayammum muka. Bagi bahagian muka yang tidak ditutup oleh alat pernafasan, sapu debu tanah pada bahagian tersebut.

- e) Sapu kedua-dua tangan dengan debu tanah. Jika terdapat balutan atau tampalan, sapu debu tanah atas balutan atau tampalan tersebut.

**Kaedah 2:** Wuduk Pesakit COVID-19 dengan Bantuan Orang lain.

- a) Pembantu perlu memakai pakaian PPE COVID-19.
- b) Semburkan air pada tapak tangan pembantu sehingga sedikit bertakung.
- c) Sapu air wuduk di atas alat bantuan pernafasan (*ventilator*) yang menutup anggota wuduk muka pesakit. Bagi bahagian muka yang tidak ditutup

- oleh alat pernafasan, sapu (ratakan air) pada kawasan tersebut.
- d) Semburkan air terus pada kawasan tangan pesakit sehingga mengalir.
  - e) Alir dan ratakan air ke seluruh anggota tangan pesakit dari hujung siku hingga ke jari.
  - f) Semburkan air pada tapak tangan pembantu sehingga sedikit bertakung.
  - g) Sapukan air pada sebahagian kepala pesakit.
  - h) Semburkan air pada kedua-dua anggota kaki pesakit dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari.
  - i) Alir dan ratakan air dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari pesakit.
  - j) Alir dan ratakan air pada celah-celah jari kaki pesakit.
  - k) Jika tidak dapat berwuduk kerana mudarat, pesakit hendaklah bertayamum dengan bantuan orang lain.

**Kaedah 3:** Tayamum pesakit COVID-19 dengan bantuan orang lain (apabila ketiadaan air atau tidak boleh menggunakan air).

- a) Pembantu perlu memakai pakaian PPE COVID-19.
- b) Tepuk kedua-dua tapak tangan pada tanah berdebu sekali untuk menyapu di atas alat bantuan pernafasan (*ventilator*) yang menutup

anggota wuduk muka pesakit. Bagi bahagian muka yang tidak ditutup oleh alat bantuan pernafasan, sapu debu tanah pada kawasan tersebut.

- c) Pindahkan debu tanah ke muka pesakit dengan niat oleh pesakit: "*Sahaja aku bertayamum bagi mengharuskan fardu solat kerana Allah Taala.*"
- d) Sapu keseluruhan muka pesakit.
- e) Buang debu tanah yang telah digunakan.
- f) Tepuk kedua-dua tapak tangan pada debu tanah pada kali kedua untuk menyapu kedua-dua tangan pesakit.
- g) Pindahkan debu tanah.
- h) Sapu bahagian tangan kanan pesakit sebelah belakang tapak tangan kanan dengan menggunakan empat perut jari tangan kiri (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.
- i) Sapu bahagian tangan kanan pesakit sebelah hadapan dari siku hingga ke hujung ibu jari dengan menggunakan debu tanah pada tapak tangan kiri dan ibu jari tangan kiri menyapu belakang ibu jari tangan kanan.
- j) Sapu bahagian tangan kiri pesakit sebelah belakang tapak tangan kiri dengan menggunakan empat perut jari tangan kanan (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.
- k) Sapu bahagian tangan kiri pesakit sebelah hadapan dari siku hingga ke hujung ibu jari dengan menggunakan debu tanah pada

tapak tangan kanan dan ibu jari tangan kanan menyapu belakang ibu jari tangan kiri.

- I) Sekiranya anggota tayamum pesakit iaitu muka dan tangan dibalut atau diampu, boleh sapu debu tanah atas balutan atau atas ampu tersebut.

**INFO**

Jika tidak mampu berwuduk atau bertayamum, tunaikan solat hormat waktu.  
Ulang solat jika kembali sihat.

**Kaedah 4:** Tayamum Petugas Barisan Hadapan  
(*Frontliners*).

- a) Petugas barisan hadapan yang merawat pesakit COVID-19 dengan memakai pakaian PPE hendaklah bertayamum.
- b) Pakai pakaian PPE lengkap ketika bertayamum.
- c) Tayamum di atas pakaian PPE yang menutup anggota tayamum muka dan tangan. Sekiranya petugas memakai *pampers*, pastikan ia bersih dan suci daripada sebarang kesan najis. Sekiranya terdapat najis pada *pampers* tersebut dan sukar untuk menanggalkannya, tunaikan solat hormat waktu dan ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**II → SOLAT KETIKA BENCANA PANDEMIK COVID-19. PETUGAS BARISAN HADAPAN (FRONTLINERS).**

- a) Pakai pakaian PPE yang lengkap sepanjang menunaikan solat.
- b) Hadap ke arah kiblat.
- c) Sujud dengan memakai pelindung muka (*face shield*).
- d) Tunaikan solat dengan menyempurnakan semua rukun solat bermula dari takbiratul ihram hingga salam pertama.
- e) Sujud dengan memakai pelindung muka (*face shield*).

**INFO**

Harus jamak solat ketika menjalankan tugas yang memakan masa yang panjang.

- a) Tunaikan solat secara jamak sama ada jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir*.
- b) Ambil wuduk dan tunaikan solat secara jamak *taqdim* sekiranya pakaian PPE dipakai selepas menunaikan solat jamak *taqdim* dan tempoh pemakaian berlanjutan sehingga tamat waktu solat kedua (Asar/Isyak).
- c) Ambil wuduk dan tunaikan solat secara jamak *ta'khir* sekiranya pakaian PPE ditanggalkan pada waktu solat kedua (Asar/Isyak).

- d) Jika tidak mampu berwuduk, tayamum boleh dilakukan di atas pakaian PPE setiap kali masuk waktu solat dengan mengambil kira hukum *faqid al-tohurain* (orang yang tiada air dan debu tanah).
- e) Jika keadaan mendesak, boleh melakukan solat jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir* secara tamam dengan satu tayamum.

**III ➤ SOLAT KETIKA BENCANA PANDEMIK COVID-19. PESAKIT COVID-19.**

- a) Solat secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap di atas katil mengikut kemampuan.
- b) Jika mampu duduk, tunaikan solat secara duduk *iftirasy, tawaruk* atau bersila daripada awal takbiratul ihram hingga selesai memberi salam.
- c) Jika mengiring, berbaring (telentang) atau meniarap, tunaikan solat dalam posisi tersebut daripada takbiratul ihram hingga selesai memberi salam.
- d) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Akan tetapi solat ini hendaklah diulang dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- e) Jika solat berbaring, tinggikan pada bahagian kepala untuk menghadap kiblat jika mampu.

- f) Lafaz takbiratul ihram bagi yang mampu menyebut dan berniat solat di dalam hati. Jika tidak mampu, takbiratul ihram dan niat dilaksanakan di dalam hati.
- g) Guna isyarat kepala jika tidak mampu menggerakkan anggota badan bagi melakukan rukun-rukun dalam solat seperti rukuk dan sujud.
- h) Guna isyarat mata jika tidak mampu menggunakan isyarat kepala daripada takbiratul ihram hingga selesai memberi salam.
- i) Guna isyarat hati jika tidak mampu menggunakan isyarat mata daripada takbiratul ihram hingga selesai memberi salam.
- j) Bagi pesakit yang pengsan atau ditidurkan hingga meninggalkan beberapa waktu solat, dia hendaklah mengqada solat (yang terluput) dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

**INFO**

Harus jamak solat bagi pesakit COVID-19.

**Kaedah 1:** Jamak solat.

- a) Tunaikan solat secara jamak sama ada *taqdim* atau *ta'khir*.
- b) Jika jamak *taqdim*, tunaikan solat pertama (Zuhur/Maghrib) dan solat kedua (Asar/Isyak) dalam waktu solat pertama.

- c) Jika jamak *ta'khir*, tunaikan solat pertama (Zuhur/Maghrib) dan solat kedua (Asar/Isyak) dalam waktu solat kedua.
- d) Jika ingin menunaikan solat jamak *taqdim*, hendaklah niat jamak *taqdim* ketika takbiratul ihram pada kedua-dua solat yang hendak dijamak.
- e) Jika ingin menunaikan solat jamak *ta'khir*, hendaklah niat untuk menunaikan solat jamak *ta'khir* pada waktu solat pertama yang boleh dijamak. Kemudian hendaklah diniatkan jamak *ta'khir* ketika takbiratul ihram pada kedua-dua solat yang hendak dijamak.

# PENUTUP

Semoga buku panduan kaedah solat fardu ketika bencana ini memberi kemudahan kepada umat Islam dalam melaksanakan tuntutan ibadah yang difardukan oleh Allah ﷺ. Panduan ini diharap akan menjadi solusi kepada kemusykilan dalam kalangan umat Islam apabila berada pada situasi yang sulit tanpa mengabaikan kefarduan solat.

Solat merupakan tiang keutuhan agama kepada setiap umat Islam. Ia juga menjadi tali penghubung antara makhluk dan Penciptanya yang tidak boleh diputuskan walau apa jua keadaan yang menimpa, kerana tanpa solat hidup umpama kapal yang belayar tanpa nakhoda.

Sumber: *Pelaksanaan dan Kaedah Solat Ketika Bencana*.

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

PANDUAN, KAE DAH DAN PELAKSANAAN SOLAT KETIKA BENCANA

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG